

NO. SOALAN: 27

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ
[TANAH MERAH]**

TARIKH : 17 NOVEMBER 2015

RUJUKAN : 8257

SOALAN:

Datuk Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah rasional di sebalik langkah menaikkan taraf Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP) kepada sebuah jabatan dengan nama Agensi Keselamatan Sempadan, adakah Agensi ini akan menjadi sole agency yang bertanggungjawab untuk melakukan penguatkuasaan undang-undang yang sebelum ini dilakukan oleh pelbagai agensi lain di sempadan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri sedang meneliti cadangan pewujudan Agensi Keselamatan Sempadan ini dengan mengambilkira input dan maklumbalas daripada pelbagai agensi keselamatan di sempadan bagi memastikan agensi yang dicadangkan ini dapat melaksanakan fungsinya dengan efisyen dan berkesan. Mesyuarat *High Level Committee* (HLC) bagi pewujudan Agensi Keselamatan Sempadan telah diadakan pada 2 November 2015 dan dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri.

Pewujudan agensi baharu ini adalah untuk memperkasakan tahap kawalan keselamatan di seluruh sempadan negara bagi membanteras jenayah rentas sempadan seperti pencerobohan, penyeludupan dan pemerdagangan manusia yang boleh menjaskan imej negara. Agensi Keselamatan Sempadan diwujudkan sebagai agensi khusus yang akan bertanggungjawab kepada hal ehwal pengurusan dan operasi penguatkuasaan sempadan di seluruh negara.

Di samping itu, penandaarasan (*benchmarking*) juga telah dibuat dalam merangka cadangan pewujudan AKS dengan melihat struktur agensi-agensi seperti berikut:

- i) ***US Customs and Border Protection (CBP);***
- ii) ***Australian Border Force (ABF); dan***
- iii) ***Canada Border Services Agency (CBSA).***

Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP) telah ditubuhkan pada 26 Jun 1976 sebagai satu *strike force* bertujuan untuk membanteras kegiatan penyeludupan di sempadan Malaysia-Thailand sahaja seperti yang diperuntukkan di bawah arahan MKN No.15 melalui gabungan keanggotaan daripada 3 agensi induk iaitu:

- i. **Polis DiRaja Malaysia;**
- ii. **Jabatan Kastam DiRaja Malaysia; dan**
- iii. **Jabatan Imigresen Malaysia**

Selaras dengan itu, UPP dinaik taraf kepada Agensi Keselamatan Sempadan secara pentadbiran dengan menggabungkan Pasukan Gerakan Am (PGA) sebagai langkah awal pelaksanaan melalui struktur yang disusun semula, kekuatan yang dipertingkatkan dan peranan yang diperluaskan. Pelaksanaannya akan memberi fokus kepada penguatkuasaan di sempadan darat dan tidak meliputi kawasan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan *Eastern Sabah Security Command (ESSCOM)* memandangkan agensi tersebut telah mempunyai struktur dan bidang kuasa masing-masing. Walau bagaimanapun, kedua-dua pihak ini akan dijadikan rakan strategik (*smart partnership*).

Sehingga itu, peranan dan tanggungjawab agensi-agensi penguatkuasa sedia ada di sempadan dikekalkan sehingga Agensi Keselamatan Sempadan dapat beroperasi sepenuhnya setelah urusan perundangan, struktur organisasi, perjawatan dan logistik dimuktamadkan.

Usaha-usaha berterusan dilakukan bagi memperkuatkuahkan tindakan penguatkuasaan di kawasan sempadan berdasarkan faktor-faktor berikut:

- i. Ancaman aktiviti penyeludupan kepada keselamatan di samping kesan kepada ketirisan hasil ekonomi negara; dan**
- ii. Aktiviti penyeludupan tidak hanya berlaku di sempadan Malaysia-Thailand sahaja sebaliknya merupakan isu nasional yang berlaku di seluruh Negara sama ada di Semenanjung Malaysia ataupun di Sabah dan Sarawak.**